

Siram “Sultan Granminor” Dari Alam Dewa Ke Realiti Insan: Alegori Pengorbanan Dan Survival Puak Dusun di Brunei
Siram 'Sultan Granminor' From the World of Gods to Human Reality: An Allegory of Sacrifice and Survival of the Dusun People in Brunei

Maslin bin Haji Jukim
maslin.jukim@ubd.edu.bn

Norhairunissa Radhiah binti Haji Bini
norrun18@gmail.com

Aslynnarita binti Galis
17m1627@gmail.com

Harni Susanti binti Sayong
(5H8070@ubd.edu.bn)

Universiti Brunei Darussalam
Negara Brunei Darussalam.

Received: 04 May 2026; Published: 14 June 2026

Cite this article (APA) as:

Jukim/Jukin, M., Haji Bini, N. R., Galis, A., & Sayong, H. S. (2026). *Siram “Sultan Granminor” Dari Alam Dewa Ke Realiti Insan: Alegori Pengorbanan Dan Survival Puak Dusun di Brunei*. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 14(1), 50 - 65. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/214>

ABSTRAK

Kajian ini meneliti lipur lara masyarakat Dusun di Brunei yang dikenali sebagai *Siram* dengan memfokuskan kepada teks *Sultan Granminor*. Bahan kajian terdiri daripada rakaman pita audio yang dirakam sekitar awal tahun 1980-an dan masih tersimpan sebagai dokumentasi tradisi lisan masyarakat Dusun di Brunei. Kajian ini bersifat primer dengan meneliti teks berdasarkan transkripsi dan *gist* (inti pati) cerita yang diperoleh daripada rakaman tersebut. Pendekatan tekstual digunakan dengan memberi tumpuan terhadap struktur naratif, khususnya melalui tindakan dan peranan watak dalam pembinaan cerita. Berdasarkan analisis tersebut, kajian ini menginterpretasi nilai dan pandangan hidup masyarakat Dusun sebagaimana yang terungkap dalam teks *Siram* ini, terutama berkaitan konsep pengorbanan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai pengorbanan berfungsi sebagai asas dalam mempertahankan keluarga, hak, wilayah dan kekuasaan, di samping menjamin kesinambungan sosial masyarakat Dusun di Brunei. Kajian ini signifikan dalam memperlihatkan jati diri serta pandangan hidup masyarakat Dusun sebagai sebahagian daripada kerangka masyarakat peribumi dan kebangsaan di Brunei.

Kata Kunci: *Siram*, masyarakat Dusun, tradisi lisan, struktur naratif, pengorbanan

This study examines the Dusun oral romance tradition in Brunei, known as Siram, by focusing on the text “Sultan Granminor”. The research material consists of an audio tape recording produced in the early 1980s, which remains preserved as part of the oral tradition documentation of the Dusun community in Brunei. This study is primary in nature and analyses the text based on the transcription and gist of the narrative derived from the recording. A textual approach is employed, with particular emphasis on the narrative structure, especially the actions and roles of the characters in shaping the story. Based on this analysis, the study interprets the values and worldview of the Dusun community as reflected in the Siram text, particularly concerning the concept of sacrifice. The findings reveal that the value of sacrifice functions as a fundamental principle in defending family, rights, territory, and authority, while simultaneously ensuring the social continuity of the Dusun community in Brunei. This study is significant in providing a deeper understanding of the identity and worldview of the Dusun community as part of the broader indigenous and national social framework in Brunei.

Keywords: Siram, Dusun community, oral tradition, narrative structure, sacrifice

PENGENALAN

*Diangdangan*¹ ialah cerita lipur lara. Cerita yang mengandungi khayalan. Cerita yang bersifat khayalan ini meletakkan diangdangan sebagai dongeng dalam korpus sastera lisan Melayu.² Sungguhpun diangdangan ini milik puak Melayu Brunei,³ tidak bermakna puak yang lain tidak mempunyai cerita lipur laranya tersendiri. Bagi Puak Melayu Kedayan, *labai* yang disampaikan oleh pencerita perempuan tanpa menggunakan alat muzik tradisional menepati ciri-ciri lipur lara (Muslim Burmat, 1992:5). Begitu juga puak Dusun mempunyai cerita *siram* yang juga menepati ciri-ciri lipur lara.⁴ Walau bagaimanapun, setiap bentuk lipur lara Brunei terdapat keistimewaan masing-masing yang menyumbang kepada kekayaan tradisi lisan atau sastera lisan Brunei. Sebagai contoh, siram daripada puak Dusun di Brunei.

Siram terdapat kelainan pada aspek naratifnya. Kelainan ini tidak meminggirkan Siram untuk diletakkan di luar dari cerita lipur lara. Sekilas pandang siram seolah-olah cerita yang bersifat sakral kerana berhubungkait dengan upacara ritual puak Dusun iaitu *tamarok*. Hal ini turut memainkan peranan untuk masyarakat Dusun teguh pada kepercayaan tamarok yang diabsahkan oleh cerita lisannya, siram. Selain cerita asal usul padi,⁵ dalam siram menceritakan tentang hal ehwal kekeluargaan yang dijadikan panduan dalam membina dan menjalani hidup berkeluarga. Kandungan tentang kekeluargaan ini begitu menarik perhatian untuk diteliti dan dibincangkan. Namun, aspek yang penting dalam hal ehwal kekeluargaan dalam puak Dusun ialah pengorbanan. Pengorbanaan ini dicontohi melalui peristiwa dan tindakan tokoh-tokoh yang terkandung dalam siram, iaitu Siram “Sultan Granminor”.

¹ Sila lihat keterangan lanjut dalam Maslin bin Haji Jukim (2014).

² Sila lihat keterangan lanjut dalam Maslin bin Haji Jukim (2014).

³ Bangsa Melayu berdasarkan Taraf Kebangsaan Negeri Brunei 1962, ialah puak Melayu Brunei, Kedayan, Dusun, Tutong, Belait, Murut, dan Bisaya.

⁴ Sila lihat keterangan lanjut dalam Maslin bin Haji Jukim (2014 dan 2021). Namun terdapat juga pengkaji mengkategorikan siram sebagai cerita epic, “...masyarakat Dusun juga telah mewarisi beberapa buah cerita epic mengenai kaum derato yang dinyanyikan dalam rentak lagu dipanggil siram dan cerita epic berkenaan dipanggil siram ditaan (Pudarno Binchin, 2016: 159).

⁵ Sila lihat perbincangan lanjut tentang cerita asal usul padi dalam Maslin Haji Jukim/Jukin dan Aslynnarita Galis (2021).

SIRAM “SULTAN GRANMINOR” SEBAGAI LIPUR LARA

Siram ialah cerita lisan milik puak Dusun di Brunei. Secara umumnya, siram mengisahkan tentang wira atau epik sesebuah bangsa tetapi dalam bentuk lipur lara. Terdapat beberapa faktor yang dijadikan aspek untuk meletakkan siram sebagai lipur lara berbanding dengan jenis mitos atau legenda. Namun, kedua-dua unsur mitos dan legenda tidak terlepas ada dalam siram. Kedua-dua unsur ini tidak mengundang argumentasi terhadap jenisnya sebagai dongeng, lipur lara dalam sastera lisan. Siram bertemakan tentang hubungan ‘kemanusiaan’⁶ seperti perjodohan dan *romance*, bukannya tentang penciptaan (*creations*).

Watak yang beraksi dan memainkan peranan dalam siram terdiri daripada watak tuhan, dewa, dewi kerana nama-nama mereka ini hanya terdapat pada mereka dan bukan kepada puak Dusun. Justeru, latar tempat berada di alam mistik atau ghaib tetapi disebutkan seolah-olah ‘kayangan’ tetapi bukan kayangan seperti biasa yang difahami umum. Latar masa terlalu jauh dan tidak dapat menjangkau bayangan akal fikiran puak Dusun.

Perwatakan watak bersifat wira seperti legenda dan epik. Keistimewaan yang dimiliki watak setentunya melangkaui tenaga dan kuasa manusia. Watak yang bersifat *superhuman* menyesuaikan mereka sebagai watak bukan manusia. Tindakan dan peristiwa tidak masuk akal tetapi begitulah kepercayaan yang tidak dapat diubah, dipersoalkan dan dipinggirkan kerana sifat cerita ini dekat dengan kesakralannya. Sungguhpun begitu siram bukannya mitos yang menceritakan fenomena penciptaan umpamanya.

Perjalanan cerita bergerak dengan tidak ada sebarang permulaan. Bahagian permulaan yang biasa ada dalam cerita lisan terutama lipur lara yang terbahagi kepada tiga bahagian struktur plot cerita iaitu permulaan, pertengahan, dan pengakhiran. Bahagian permulaan siram “Sultan Granminor” tidak menceritakan tentang bagaimana kelahirannya seorang wira umpamanya. Cerita terus sahaja tentang peperangan. Sementara bahagian pengakhiran pula secara tidak langsung tentang kepuasan atau keyakinan. Hal ini boleh dianggap sebagai pengakhiran yang mencapai kebahagiaan dan ini menepati bahagian akhir yang bersifat *happily ever after*.

PERMASALAHAN KAJIAN

Penyelidikan ini bertujuan untuk menganalisis pelbagai manifestasi pengorbanan watak-watak dalam cerita rakyat Dusun di Brunei, Siram “Sultan Granminor” dan fungsinya sebagai mekanisme untuk menjamin survival kekeluargaan atau komuniti. Walaupun cerita lisan Dusun sering dirujuk sebagai naratif tradisional yang berfungsi untuk memelihara ingatan budaya masyarakat setempat, kajian akademik terhadapnya masih cenderung bersifat deskriptif dan berfokus kepada aspek dokumentasi serta latar kepercayaan. Akibatnya, unsur pengorbanan yang muncul secara konsisten dalam naratif tersebut belum dianalisis secara sistematik sebagai satu mekanisme strategik bagi kelangsungan puak. Dalam konteks ini, pengorbanan bukan sekadar tindakan moral individu, tetapi merangkumi pengorbanan wilayah kekuasaan, kepentingan keluarga, survival (kelangsungan) waris, serta kepercayaan terhadap sanak saudara yang berfungsi mengekalkan kesinambungan struktur sosial dan identiti kolektif masyarakat Dusun.

⁶ Walaupun watak-watak dalam Siram ialah derato.

Ketiadaan analisis berfokus terhadap bentuk-bentuk pengorbanan ini menyebabkan fungsi naratif cerita lisan Dusun sebagai medium legitimasi kuasa, pemeliharaan hubungan kekeluargaan, dan pengukuhan jaringan kepercayaan dalaman komuniti tidak dapat difahami secara menyeluruh. Lebih penting, pengorbanan wilayah dan waris dalam cerita lisan bukan sahaja mencerminkan konflik dalaman atau luaran, tetapi turut memperlihatkan strategi budaya masyarakat Dusun dalam menyesuaikan diri dengan ancaman terhadap kelangsungan puak, sama ada melalui penyerahan kuasa, pengorbanan keturunan, atau pengutamaan solidariti sanak saudara demi kelangsungan kolektif.

Oleh itu, kajian ini perlu dijalankan untuk meneliti secara kritis bagaimana pengorbanan wilayah kekuasaan, institusi keluarga, kelangsungan waris, dan kepercayaan terhadap sanak saudara ditampilkan serta difungsikan dalam cerita lisan Dusun sebagai mekanisme survival puak. Pendekatan ini bukan sahaja berupaya mengisi jurang dalam kajian sastera lisan dan puak tempatan, malah menyumbang kepada perbincangan yang lebih luas tentang peranan naratif tradisional dalam mengekalkan kelangsungan identiti puak dan warisan budaya tidak ketara dalam konteks dunia kontemporari.

OBJEKTIF KAJIAN

Penyelidikan ini berobjektifkan untuk menganalisis pelbagai manifestasi pengorbanan yang dilakukan oleh watak-watak utama dalam cerita rakyat Dusun di Brunei, iaitu Siram “Sultan Granminor”, serta meneliti peranan dan fungsinya sebagai mekanisme kritikal dalam menjamin kelangsungan (survival) kekeluargaan, komuniti, dan kesinambungan identiti serta budaya puak.

SOROTON LITERATUR

Siram tidak banyak orang membicarakannya. Penelitiannya dalam bentuk esei, artikel, latihan ilmiah dan tesis dalam jumlah yang kecil dan didominasi penelitian dan penulisan oleh masyarakat Dusun sendiri. Antaranya Mohammad Hadi bin Abdullah Melayong (1989, 2018), Bantong Antaran (1984, 1993a, 1993b), Purdano Binchin (2002, 2016, 2017), Magil lasak (1989/1990) dan lain-lain. Kebanyakannya membicarakan tidak mendetail dan lebih kepada bersifat pengenalan dan sentuhan sepintas lalu. Akan tetapi, Purdano Binchin (2014) meneliti *Siram* menjangkau jauh daripada yang lain, dijadikan bahan penelitian peringkat sarjana sastera sehingga diterbitkan dalam bentuk monograf, *Singing Siram Ditaan: Composition, Performance and Transmission of Epic Tales of Derato in Brunei Dusun Society*.

METODOLOGI

Pendekatan kearifan tempatan ini adalah hasil daripada pengumpulan dan pengiktirafan pelbagai kajian dan pengalaman yang menunjukkan nilai penting pengetahuan tidak formal komuniti tempatan, yang telah dianjurkan oleh pelbagai disiplin ilmu dari masa ke masa. Konsep ini terus berkembang dan diaplikasikan dalam konteks yang lebih luas hari ini. Konsep ini berkembang secara interdisipliner dan diperjuangkan oleh pelbagai sarjana dari disiplin ilmu yang berbeza, terutamanya dalam bidang antropologi, sosiologi, ekologi, dan kajian pembangunan. Sebagai

contoh, Clifford Geertz⁷(1983) membincangkan pelbagai bentuk pengetahuan yang terikat pada konteks budaya dan tempat tertentu, termasuk pandangan dunia, akal sehat, dan cara masyarakat memahami realiti mereka, malah Geertz menyedari dalam penyelidikannya tentang pengetahuan petani tempatan menekankan pentingnya memahami budaya dari perspektif "orang dalam." dan beliau tidak mengatakan secara jelas tentang kearifan tempatan. Salah satu tanggapan yang menjadi prinsip pendekatan kearifan tempatan ialah menghargai transmisi pengetahuan melalui tradisi lisan, adat resam, dan amalan turun-temurun. Dalam hal ini, aspek pengorbanan yang diterokai atau dikenal pasti berdasarkan Siram yang diwarisi adalah pengetahuan yang terkandung di dalamnya yang dihargai.

Selain itu, Siram sebagai hasil karya sastera atau tradisi lisan yang diwarisi secara lisan setentunya merupakan refleksi budaya dan sosial masyarakatnya, pendekatan kearifan tempatan ini menghargai dan memberi kuasa kepada pengetahuan yang lahir dari pengalaman hidup sebenar masyarakat setempat. Secara langsung, pendekatan ini mengambil kira hubungan antara manusia, alam, dan sosial. Dalam semua hal, pendekatan ini mengutamakan keseimbangan dan pemeliharaan sumber dan nilai untuk jangka masa panjang. Inilah yang dihasratkan warisan terdahulu puak Dusun tentang pentingnya kewujudan mereka dengan mengutamakan kekeluargaan atau persanakan demi kelangsungan puak ini. Berbalik kepada Geertz yang menekankan "*culture as a text*", membaca dan menginterpretasi amalan dan kepercayaan budaya seolah-olah ia adalah sebuah teks yang penuh makna.

SUSUNAN STRUKTUR PLOT

Untuk memudahkan perbincangan, penelitian ini menggunakan pembahagian struktur lipur lara. Lipur lara dapat dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu Permulaan, Pertengahan, dan Pengakhiran. Pembahagian ini berdasarkan daripada Jamilah Ahmad (1993). Berdasarkan susunan plot di atas, terdapat kekosongan atau ketiadaan dalam bahagian permulaan. Cerita Siram "Sultan Granminor" ini bermula dengan eksposisi seorang pemuda yang mengabdikan dirinya dalam peperangan. Pemuda ini bernama Sultan Granminor dan diceritakan sedikit sahaja latar belakang tentang watak ini, iaitu mengenai asal usul atau keluarganya.

[33:44]

Yang miyanai tih, Sultan Granminor tih, injop na anak, injop na sawo. Iyo lama bujang. Iyo noh lama gagah, siou. Tabug satur yo tih kemaie, suang. Napung indu yama oh. Lama injop aro.

Terjemahan bahasa Brunei:

Yang lelaki ni, Sultan Granminor ni, inda beranak, inda bebini. Ia orang bujang. Ia seorang yang gagah, berani. Musuh yang mengacau ia ni tadi, banyak. Ditinggal oleh bapa mamanya. Orang nada berharta (miskin).

Terjemahan bahasa Melayu Standard:

Lelaki ini, Sultan Granminor, tidak mempunyai anak dan tidak beristeri, masih bujang. Seorang yang gagah dan berani. Ramai musuh menggagunya. Telah ditinggalkan oleh ibu bapanya dan hidup dalam keadaan tidak berharta.

⁷ Geertz adalah pelopor dalam mempromosikan pemahaman bahawa pengetahuan bukanlah sesuatu yang universal dan objektif semata-mata, tetapi juga berakar umbi dalam konteks budaya dan lokaliti tertentu.

Dalam kesibukan peperangan itu, pada awal cerita juga disebutkan bahawa Sultan Granminor mempunyai seorang adik perempuan. Namun, kenyataan tentang Sultan Granminor mempunyai adik perempuan ini tergabung dalam pengkisahan keadaan peperangan, iaitu dalam kesibukan Sultan Granminor yang terikat dengan peperangan. Hal ini dapat dilihat dalam petikan pengisahan di bawah ini.

[34:16]

Ngelawan tibas, bepatu kuwo beparang na tabuq satur yo tih kemaie. Iyo noh gat, naduan oh nanau tih kemaie. Setarih yo noh aro lama ngalap, iyo andih ngintai. Alan yo andih ngintai kain noh, sabab tabug yo suang. Iyo no gala sabit do.

Terjemahan bahasa Brunei:

Belawan *betibas*, berperang dengan musuhnya tadi. Iatah, ditinggalkannya bejalan ni tadi. adiknya diambil orang. Ia tidak menunggu. Sebab ia tidak menunggu, sebab musuhnya banyak. Iatah saja yang durang sebut.

Terjemaahan bahasa Melayu Standard:

Berperang dengan musuhnya, tebas-menebas. Dalam keadaan itu, beliau pun pergi meninggalkan adiknya. Lalu adiknya telah diambil orang lain. Sultan Granminor tidak menjaganya kerana musuhnya terlalu ramai. Itulah sahaja yang mereka ceritakan.

Kemudian, diceritakan terus tentang peperangan yang berlaku tanpa henti. Struktur plot Siram “Sultan Granminor” ini seolah-olah terus ke bahagian pertengahan. Bahagian yang diisi dengan aksi peperangan yang begitu hebat. Pada masa yang sama, bahagian pertengahan ini terdapat aksi penting sebagai konflik besar dalam struktur plot Siram “Sultan Granminor” ini, iaitu pertarungan di antara Sultan Granminor dengan anak adiknya, Puteri Bungsu. Pertarungan ini sudah dijanjikan dan atas permintaan Sultan Granminor. Sebelum aksi penting ini, terdapat juga beberapa peristiwa yang menarik sewaktu perkahwinan Awang Kebuncuan dengan Puteri Bungsu. Terdapat syarat-syarat tertentu dalam bentuk permintaan Sultan Granminor. Antaranya seperti pembinaan titian emas, meletakkan bedil/Meriam dan, jumlah ledakan, dan waktu dan hari yang ditetapkan untuk anak adiknya Puteri Bungsu dan Awang Kebuncuan bertarung dengan Sultan Granminor.

Ternyata pada bahagian akhir pengisahan, pertarungan hebat pun berlaku. Nasib menyebelahi anak Puteri Bungsu dan Awang Kebuncuan dapat menewaskan bapa saudaranya, Sultan Granminor. Kekalahan Sultan Granminor dalam pertarungan ini meyakinkan Sultan Granminor kematangan dan pencapaian kehebatan yang ada pada diri anak saudaranya.

Kelainan yang didapati dalam Siram “Sultan Granminor” ini juga terletak pada bahagian akhir struktur plot, Sebelum itu, pada bahagian awal pengisahan tidak ada menceritakan tentang seorang wira (Sultan Ganminor) yang mencari jodoh atau pasangan hidupnya sehingga terpaksa keluar dari istana. Oleh sebab plot ini tidak ada dalam siram ini, bahagian akhir juga tidak ditemukan tentang watak wira yang memperolehi jodoh dan berkahwin, lalu mengambil alih kuasa kerajaan.

Walau bagaimanapun, watak anak Dayang Puteri dan Awang Kebunchuan, Bujang Bearai ada diceritakan tentang pertemuan jodoh. Malah Bujan Bearai keluar meninggalkan keluarga bagi tujuan untuk mempersiapkan diri sebelum menghadapi bapa saudaranya dalam pertarungan. Dalam mempersiapkan diri, Bujang Bearai bertemu jodoh.

ASPEK PENGORBANAN

Lipur lara tergolong sebagai jenis dongeng. Dongeng yang berfungsi sebagai hiburan semata-mata. Namun, lipur lara didominasi dengan cerita khayal tentang percintaan. Secara langsung menghubungkan dengan kekeluargaan. Siram yang sejenis dengan lipur lara memiliki kelainan, sekalipun membawakan tentang cinta dan kasih tetapi tertumpah pada hal kekeluargaan semata-mata.⁸ Hal ini tidak menolak adanya dalam lipur lara yang lain, namun cinta dan kasihnya ialah pengorbanan seorang abang yang dalam dilema di antara tanggungjawab negeri dan keluarga. Pengorbanan di sini tidak hanya terhad pada satu watak atau satu bentuk tindakan, tetapi melibatkan beberapa pihak dan dimensi yang berbeza.

ANALISIS DAN DISKUSI

Pengorbanan yang terkandung dalam Siram “Sultan Granminor” diterokai melalui pembacaan berasaskan pendekatan kearifan tempatan, yang menekankan teks budaya sebagai wadah pemikiran, nilai, dan pengalaman kolektif sesuatu masyarakat. Berlandaskan gagasan “*culture as a text*”, analisis terhadap aspek pengorbanan ini difokuskan kepada unsur naratif, khususnya pembentukan watak dan perwatakan yang menggerakkan plot Siram “Sultan Granminor”, di samping meneliti fungsi sosial yang terungkap melalui naratif tersebut. Melalui pendekatan ini, pengorbanan tidak hanya difahami sebagai tindakan individu dalam cerita, tetapi sebagai manifestasi nilai budaya yang berkait rapat dengan tanggungjawab kepemimpinan, kelangsungan waris, pertahanan wilayah, dan survival puak dalam kerangka kehidupan masyarakat Dusun.

Pengorbanan melalui Watak dan Perwatakan

Watak Sultan Granminor

Sultan Granminor dan Tuan Puteri digambarkan sebagai adik-beradik, dengan Sultan Granminor berada pada kedudukan sebagai abang yang memikul tanggungjawab utama dalam institusi keluarga. Ketiadaan ibu bapa mereka menjadikan Sultan Granminor bukan sahaja berperanan sebagai pelindung, malah sebagai pengganti autoriti keluarga yang bertanggungjawab terhadap keselamatan dan kesejahteraan adiknya, Tuan Puteri. Keadaan ini diperkukuh lagi apabila Sultan Granminor digambarkan sebagai seorang yang ditinggalkan tanpa harta warisan, sekaligus melambangkan kedudukan “tidak berharta” dan kerapuhan asas material yang dimilikinya dalam mengemudi kehidupan serta tanggungjawab kepemimpinan.

[33.44]

Yang miyanai tih, Sultan Granminor tih, injop na anak, injop na sawo. Iyo lama bujang. Iyo noh lama gagah, siou. Tabug satur yo tih kemaie, suang. Napung indu yama oh. Lama injop aro.

Terjemahan bahasa Brunei:

⁸ Sila lihat keterangan lanjut dalam Maslin Jukim, Pengiran Hajah Siti Norainna Pengiran Haji Besar, Norhairunissa Radhiah Haji Bini, Aslynnarita Galis dan Hajah Asiyah Az-Zahra Haji Ahmad (2024).

Yang pemuda ni, Sultan Granminor ni, nada beranak, nada bebini. Ia orang bujang. Ia seorang yang gagah, berani. Musuh yang mengacau ia ni tadi, banyak. Ditinggal oleh bapa mamanya. Orang nada berharta (miskin).

Terjemahan bahasa Melayu Standard:

Pemuda ini, Sultan Granminor, tidak mempunyai anak dan tidak beristeri, masih bujang. Seorang yang gagah dan berani. Ramai musuh mengganggunya. Telah ditinggalkan oleh ibu bapanya dan hidup dalam keadaan tidak berharta.

Dalam naratif Siram, Sultan Granminor berhadapan dengan ancaman berterusan terhadap keselamatan dirinya, adiknya, rakyat, dan negerinya akibat serangan musuh yang berpanjangan sehingga mencetuskan peperangan. Dalam situasi ini, keselamatan dan keamanan negeri menjadi keutamaan Sultan Granminor, mengatasi kepentingan peribadi dan juga tanggungjawab langsung terhadap adiknya. Keputusan untuk menyerahkan penjagaan Tuan Puteri buat sementara waktu kepada ahli keluarga lain merupakan manifestasi pengorbanan yang besar dan menyeluruh, sekali gus mencerminkan konflik antara tanggungjawab kekeluargaan dan tuntutan kepemimpinan kolektif.

Naratif ini menegaskan bahawa kegagalan untuk bertindak terhadap ancaman musuh bukan sahaja tidak mendatangkan kebaikan, malah akan menyebabkan kehidupan masyarakat terjejas dalam keadaan huru-hara dan ketidakstabilan. Justeru, peperangan digambarkan bukan sebagai pilihan ideal, tetapi sebagai pilihan terakhir demi mempertahankan keselamatan dan kelangsungan hidup komuniti. Peribahasa “berat mata memandang, berat lagi bahu menjinjing” secara implisit mencerminkan beban tanggungjawab yang ditanggung Sultan Granminor dalam membuat keputusan yang sukar dan berisiko tinggi.

Pengorbanan Sultan Granminor digambarkan secara ekstrim melalui situasi peperangan yang dahsyat sehingga mengabaikan keperluan asas seperti tidur dan kebersihan diri. Ketiadaan harta serta keterlibatan dalam peperangan yang berpanjangan menonjolkan kesukaran luar biasa yang dihadapinya. Namun demikian, segala pengorbanan tersebut dilakukan semata-mata demi memastikan keselamatan adiknya, kesejahteraan rakyat, dan kelangsungan negeri. Dalam konteks ini, watak Sultan Granminor berfungsi sebagai representasi ideal kepemimpinan berteraskan pengorbanan diri, di sini kepentingan kolektif didahulukan berbanding keperluan peribadi dan kekeluargaan.

Pengorbanan peribadi ini dapatlah ditafsirkan sebagai manifestasi untuk kelangsungan hidup. Hal ini dapat dihubungkan dengan kewujudan puak Dusun sendiri. Pengorbanan setiap individu untuk mempertahankan dan meneruskan kelangsungan kehidupan puak Dusun secara realitinya. Hidup memerlukan pengorbanan untuk masa depan generasi seterusnya. Justeru, peperangan yang lama atau mengambil masa boleh disimbolkan sebagai hakikat tentang peredaran zaman ke zaman membawa berbagai-bagai hambatan mempengaruhi kehidupan kalangan puak Dusun.

Selain peperangan dengan musuh, terdapat adegan pertarungan di antara Sultan Granminor dengan anak adiknya, Tuan Puteri. Anak Tuan Puteri ini bernama Bujang Beparai. Sultan Granminor menguji keberanian dan kekuatan anak saudaranya, Bujang Beparai dalam pertarungan, dan rela untuk tewas. Ini bukan kekalahan, tetapi pengorbanan terakhir untuk memastikan bahawa generasinya telah melahirkan pewaris yang mampu mempertahankan diri dan meneruskan legasi kekuatan. Dia mengorbankan egonya sebagai pahlawan demi keyakinan

terhadap kemampuan anak saudaranya. Sekali lagi untuk kelangsungan kewujudan puak Dusun perlu ada waris yang berwibawa.

Watak Tuan Puteri

Nilai ketaatan dan kefahaman yang ketara terpancar melalui watak Tuan Puteri sebagai adik dalam struktur kekeluargaan tradisional. Dalam ketiadaan ibu bapa, peranan abang, Sultan Granminor, berfungsi sebagai pengganti autoriti keluarga yang sah, sekaligus menjadikan kepatuhan Tuan Puteri terhadap keputusannya sebagai satu kewajipan moral dan sosial. Ketaatan ini bukan bersifat pasif, sebaliknya lahir daripada kefahaman terhadap beban tanggungjawab yang dipikul oleh abangnya dalam memastikan keselamatan keluarga, rakyat, dan negeri.

Pengorbanan Tuan Puteri dizahirkan melalui kesediaannya untuk berpisah dengan abangnya apabila dirinya diserahkan kepada ahli keluarga lain demi menjamin keselamatan. Tindakan ini mencerminkan kesedaran bahawa pengorbanan peribadi merupakan sebahagian daripada usaha kolektif untuk kelangsungan hidup. Kesanggupan Tuan Puteri menerima perkahwinan dengan seorang pemuda yang dipercayai mampu melindunginya, meskipun bukan berdasarkan pilihan peribadi, menegaskan lagi pengorbanan kehendak diri demi kepentingan yang lebih besar.

Dalam konteks ini, perkahwinan tidak ditampilkan sebagai institusi romantik, tetapi sebagai strategi sosial yang berfungsi menjamin keselamatan, kestabilan, dan kesinambungan hidup. Penerimaan Tuan Puteri terhadap keputusan tersebut memperlihatkan kepercayaan terhadap pertimbangan keluarga serta pengutamaan kepentingan kolektif berbanding keinginan individu. Tindakan patuh dan penuh kepercayaan ini selari dengan perjuangan Sultan Granminor, sekaligus memperlihatkan hubungan timbal balik antara pengorbanan individu dan kelangsungan puak.

Secara keseluruhan, watak Tuan Puteri berfungsi sebagai representasi nilai ketaatan, pengorbanan, dan solidariti kekeluargaan dalam cerita lisan Dusun. Sikapnya mengukuhkan hujah bahawa survival puak bukan hanya bergantung pada tindakan kepemimpinan dan kekuatan fizikal, tetapi turut disokong oleh kesediaan individu, terutamanya wanita, untuk mengorbankan kehendak peribadi demi kesejahteraan dan kesinambungan komuniti.

Watak Sampingan

Watak sampingan umpamanya pengorbanan rakyat. Tindakan rakyat Sultan Granminor sanggup untuk memilih jalan kaki di atas tanah seiring dengan Titian/Jambatan Emas. Mereka tahu menilai tentang keselesaan dan status. Tindakan ini didorong oleh kebimbangan akan bertembung dengan rombongan dari seberang. Ini menunjukkan kesedaran mereka tentang pengorbanan keselesaan demi mengelakkan konflik atau memastikan kelancaran pertemuan antara abang dan adik, yang mungkin dianggap sebagai peristiwa penting atau sensitif.

Watak Awang Kebuncuan sebagai adik ipar Sultan Granminor yang amat memahami keadaan. Awang Kebuncuan tidak membantah seketika dipinta untuk membina titian/jambatan emas sebagai syarat untuk mengahwini Tuan Puteri. Kelahiran anak mereka, Awang Kebuncuan tidak membantah untuk menentukan nama anak yang dicadangkan oleh Sultan Granminor. Apabila anak mereka Bujang Beparai diminta Sultan Granminor untuk bertarung juga tidak dibantah oleh Awang Kebuncuan. Tindakannya ini bukan tidak ada kuasa atau lemah, namun

nilai mengikut perintah kepada abang dan melihat kepada pengorbanannya lebih besar. Awang Kebuncuan memahami semua ini atas kebaikan juga.

[43:42]

Yutu ngibit kain o bekelaie anak. Rada diok bujang beparai. Kajun yodo tih kan andih nyambut, todo tih andih ni moncoi. Sinyambut ni rodo. Liang bekikis yo tih kemaie. Sudah tih, ngitung noh niyo adau tih kemaie.

Terjemahan bahasa Brunei:

Abangmu kan membawa berlawan (menguji) anakmu. Anak damit, Bujang Beparai. Dalam fikiran durang (Awang Kebuncuan & Tuan Puteri) kan in da disambut (terima), nda jua baik. Durang pun terima pelawaan atu. Pelawaan / cabaran pun diterima, terus durang menghitung hari.

Terjemahan bahasa Melayu Standard:

Sultan Granminor mengajak anak Awang Kebuncuan untuk berlawan. Anak yang masih kecil, Bujang Beparai. Dalam fikiran mereka (Awang Kebuncuan & Tuan Puteri) kalau tidak menerima ajakan itu seperti tidak menghormati. Mereka menerima ajakan tersebut dan terus menghitung hari untuk perlawanan

Hal ini penting, Awang Kebuncuan dan Dayang Tuan Puteri memahami tindakan abangnya Sultan Granminor. Permintaan abang mereka pasti ada niat yang baik dan mempunyai perancangan untuk masa depan keluarga, keselamatan, keterjaminan kuasa, dan sebagainya. Malahan, anak mereka anak lelaki yang seharusnya mewarisi dan menghormati pengorbanan Sultan Granminor.

Bujang Beparai

Watak ini ialah anak kepada adik Sultan Granminor, Tuan Puteri dan Awang Kebuncuan. Kelahiran Bujang Beparai diberi syarat oleh Sultan Granminor. Sultan Granminor meminta Tuan Puteri mengabdikan permintaannya supaya cukup bulannya, Bujang Beparai harus berlawan dengannya.

Pengorbanan yang dibahaskan di atas memperlihatkan tentang keteguhan cinta dan kasih kekeluargaan dan negeri. Cinta kekeluargaan dan negeri yang mendalam dan tanggungjawab yang mendorong watak-watak untuk membuat pengorbanan besar. Ia menyoroti bagaimana pengorbanan peribadi seringkali diperlukan untuk mencapai keselamatan, keamanan, dan kesinambungan generasi. Jika dilihat skala besar dalam konteks puak Dusun, cerita ini memperlihatkan betapa penting mempertahankan kewujudan Dusun sebagai puak di rantau ini. Cerita ini boleh diinterpretasikan sebagai alegori atau metafora untuk perjuangan dan nilai-nilai yang diperlukan untuk memastikan survival sebuah komuniti puak.

Sungguhpun Bujang Beparai dan keluarga harus akur permintaan Sultan Granminor, namun Bujang Beparai tidak berdiam diri. Bujang Beparai bertindak meninggalkan keluarga dan tempat halamannya untuk bersiap sedia. Dalam fikiran Bujang Beparai, Sultan Granminor bukan mudah untuk ditewaskan dengan kegagahan dan keberanian yang sebatian ada dalam dirinya. Justeru, Bujang Beparai harus mencari sesuatu yang boleh membantunya dalam perlawanannya dengan Sultan Granminor nanti. Ini pun satu pengorbanan. Pengorbanan dalam mencari

persediaan menentang Sultan Granminor harus meninggalkan keluarganya dan tempat tinggalnya.

[45:23]

Nya kondoi aig susu tih kemaie mok supu beranak (isi celapa, yang bertudung) ti kunu. Sudah nanau, nanau bonor nanau tana noh yo. Iyo noh nanau bolintad (halaman rumah) noh. Noh nanau noh kemaie nuli mok entalun, ta panau o tih, sino alan melaus, sino alan o miup, aig susu o tih kemaie. Sino raba kapal, untuh kayu sapou untuh kain sino. Sino alan telungung.

Terjemahan bahasa Brunei:

bebatakan air susu yang disimpan di dalam cupu beranak (isi celapa yang bertudung) ni banar. sudah jalan, jalan banar, jalan turun ke tanah. ia pun meninggalkan halaman rumahnya masuk ke dalam hutan. jalannya ni tadi, di sana jua ia berlapar, tempat minum bata air susunya ni tadi. Di mana tumbang kayu, kayu berdaun lebat, di sana tah tempat ia berteduh.

Terjemahan bahasa Melayu Brunei:

Dengan berbekalkan air susu yang disimpan di dalam supu beranak (isi celapa yang bertudung). Bermulalah berjalan turun ke tanah dan meninggalkan halaman rumahnya dan memasuki ke dalam hutan. Sepanjang perjalanannya dia berlapar dan hanya minum dari bekal air susunya tadi. Di mana ada kayu-kayu yang rebah dan berdaun lebat di situlah tempatnya berteduh.

Setelah meneliti watak-watak dalam siram Sultan Granminor sebagai manifestasi pengorbanan, perbincangan perlu diperluas daripada aspek perwatakan (*characterization*) kepada makna sosial dan fungsi budaya pengorbanan dalam naratif Siram. Hal ini kerana pengorbanan yang dipaparkan bukan sekadar mencerminkan sifat peribadi watak, tetapi berperanan sebagai mekanisme survival puak melalui perjuangan mempertahankan keamanan, kepentingan kelangsungan waris, dan keyakinan terhadap pewaris sebagai penerus kesinambungan keluarga serta komuniti. Dengan demikian, pengorbanan dalam cerita lisan puak Dusun dapat difahami sebagai etika sosial yang mendasari kelangsungan identiti dan kesinambungan puak.

Pengorbanan demi Pertahanan Kuasa dan Wilayah

Peperangan sepanjang masa yang dilalui Sultan Granminor dianggap sebagai *reality survival*. Suatu perlambangan perjuangan tanpa henti sebuah puak pengamanan. Pengamanan kawasan, tempat tinggal, sumber bumi, rakyat, kehidupan yang tercabar. Ketiadaan harta warisan mungkin melambangkan bukan sebagai halangan untuk perjuangan ini, malah tidak memiliki warisan juga penuh makna umpamanya memastikan kewujudan puak mereka menjadi keutamaan berbanding yang lain, oleh kerana itu tempat atau wilayah harus dipertahankan sebagai tapak kewujudan. Mempertahankan negeri bukan demi kuasa semata-mata, tetapi demi ruang hidup kolektif. Jika tidak dilakukan dengan penuh tanggungjawab, natijahnya akan kehilangan wilayah yang membawa makna kehilangan tempat berlindung, sumber kehidupan, dan identiti kelompok.

Pengorbanan fizikal pemimpin sebagai simbol pertahanan puak merujuk kepada kesediaan seorang pemimpin mengorbankan tenaga, keselesaan, keselamatan, malah nyawanya demi melindungi rakyat, keluarga, dan wilayah daripada ancaman. Dalam konteks *Siram*,

penglibatan Sultan Granminor dalam peperangan yang berpanjangan, sehingga mengabaikan keperluan asas diri, memperlihatkan bahawa tubuh pemimpin sendiri menjadi benteng pertahanan utama komuniti. Pengorbanan fizikal ini melambangkan tanggungjawab kepemimpinan yang meletakkan kelangsungan puak dan keamanan negeri mengatasi kepentingan peribadi. Dalam cerita Siram, peperangan yang berlarutan memperlihatkan bahawa keamanan bukan keadaan semula jadi, sebaliknya sesuatu yang perlu dipertahankan melalui pengorbanan yang berterusan. Naratif ini menempatkan perlindungan wilayah sebagai prasyarat kepada survival komuniti.

Pengorbanan demi Kelangsungan Waris dan Pewaris

Kepentingan waris

Waris bukan hanya bermakna zuriat atau sekadar anak. Sungguhpun Sultan Granminor mengorbankan dirinya tidak memiliki zuriat atau waris, ini tidak bermakna berlakunya penyingkiran kepentingan waris. Sultan Granminor menyedari hal ini walaupun dia sendiri tidak ada kesempatan untuk membina keluarga sendiri kerana perjuangan berperang lebih diutamakan. Justeru waris ialah kesinambungan darah keturunan, pewarisan nilai, dan legitimasi keluarga.

Berhubung dengan waris dalam erti zuriat, Sultan Granminor memilih pilihan lain melalui adiknya Tuan Puteri. Dayang Tuan Puteri dikahwinkannya dengan pilihan yang tepat, Awang Kebuncuan terjamin keselamatannya dan melahirkan keturunan yang tidak secara langsung menekankan pentingnya kesinambungan generasi. Tindakan ini menggambarkan Sultan Granminor menyedari perkahwinan sebagai mekanisme menghasilkan kesinambungan waris.

[35.18]

Kain oh sungguh ku ngiyau yabui dijayi kain yo, kalau genawoh andih sungguh, andih yo ngisi a. Sabit ku noh kain o apad emas.

Terjemahan bahasa Brunei:

“Kalau bukan sebab si Yabui (Awang Kebuncuan) sungguh-sungguh kan memelihara, kalau hati inda banar-banar, nda ku setuju. Iatah permintaanku tu titian emas.”

Terjemahan bahasa Melayu Standard:

Kalau bukan sebab si Yabui (Awang kebuncuan) bersungguh-sungguh untuk menjaga dan menerima sepenuhnya, sudah tentu tidak ku setuju. Sebab itu permintaan ku titian emas.

Adik perempuan melambangkan generasi muda yang perlu dilindungi dan dipastikan kelangsungan hidupnya untuk meneruskan warisan puak. Namun, Sultan Granminor harus juga memastikan kepada siapa adiknya akan bersuami. Apabila Sultan Granminor berpuas hati baharulah dipersetujuinya, itu pun diujinya dengan permintaan titian emas. Secara tidak langsung, hal ini berfokus kepada perkahwinan dan kelahiran anak yang mencerminkan kepentingan pewarisan genetik dan budaya untuk mengekalkan populasi puak. Dalam kerangka masyarakat tradisional, kelangsungan waris merupakan jaminan bahawa keturunan, memori keluarga, dan struktur sosial tidak terputus

Keyakinan terhadap Pewaris

Tindakan Sultan Granminor menyerahkan adiknya, Tuan Puteri kepada ahli keluarga, memberi gambaran tentang kepercayaan atau keyakinan. Kepercayaan dan keyakinan bukan sahaja tentang keselamatan Tuan Puteri tetapi sebagai modal sosial survival. Tindakan ini juga mewujudkan jaringan perlindungan kekeluargaan (persaudaraan). Inilah sistem keselamatan sosial tradisional (*kingship thrust*) yang terjamin secara turun temurun. Penglibatan dan perluasan jaringan sebegini mempertegaskan bahawa survival bukan usaha individu, tetapi usaha kolektif.

Selain itu, bagi menjamin survival ini berlaku peristiwa yang istimewa iaitu anak Tuan Puteri, Bujang Berparai harus diuji. Diuji untuk memberi jaminan dan keyakinan nilai dan kuasa serta kelangsungan hidup mereka. Pertarungan yang diuji oleh Sultan Granminor bukan hanya pada kekuatan fizikal, tetapi juga tentang keberanian, kebijaksanaan, dan kemampuan untuk mempertahankan diri dan komuniti. Ia menunjukkan bahawa untuk sebuah puak terus wujud, generasi muda mesti dipersiapkan dan diperkasa untuk mengambil alih tanggungjawab dan cabaran masa hadapan.

[1:03:56]

...Todo beranti Wang kain o, kalah lagih kuji pandai lagih ikou. Ain kah parang ku kain o mematai di ijun kain, kain o gan ngira dijun. Gon ku ngira o nya kabang, lakak kou andih kesugut kain o. iyo noh ku ngibit beparang. Alan ku ngintong sakti mu kain o.

Terjemahan bahasa Brunei:

“Kitani berhenti ni wang, kalah lagi aku, handal lagi kau. Bukannya ku kan berlawan ani kan membunuh kau. Aku cuma kan membagi nasihat. Kan membagi nasihat pakai mulut, takut kau inda terikut. Iatah ku bawa berlawan. Kan melihat kesaktianmu.”

Terjemahan bahasa Melayu Standard:

“Wang, kita berhenti sahaja, aku mengaku kalah, kau hebat. Bukan niat ku berlawan denganmu untuk membunuh. Aku cuma ingin memberi nasihat, kalau ku menasihati dengan kata-kata, mungkin kau tidak mendengarnya. Sebab itu aku mengajak berlawan untuk melihat kesaktianmu.”

Ternyata, perlawanan yang diadakan oleh Sultan Granminor hanya ujian semata-mata. Sultan Granminor ingin melihat sendiri sejauh mana kehebatan anak buahnya yang diharapkan jadi pemimpin pada masa depan. Kehebatan Bujang Beperai terbukti dengan menewaskan bapa saudaranya, Sultan Granminor. Tidak lagi ada kebimbangan dan keraguan buat Sultan Granminor setelah tertewas di tangan pewarisnya. Tidak ada gunanya berjuang dengan peperangan mempertahankan wilayah dan kuasa tanpa ada pewaris.

Pensakralan Pengorbanan dalam Naratif Survival Puak

Berdasarkan interpretasi teks Siram ini sebenarnya melibatkan watak-watak dewa-dewi dan latar (*setting*) bukan di dunia tetapi alam ghaib. Akan tetapi ceritanya seperti manusia biasa. Ini memperlihatkan perjuangan, pengorbanan, dan kelangsungan hidup puak Dusun sebagai satu

pesanan, amanat dan misi kepada generasinya untuk berbuat sedemikian yang dipindahkan dari alam manusia biasa ke alam dewa-dewi. Istimewanya, dengan melibatkan watak-watak dan latar (*setting*) dewa-dewi maka membawa kepada sesuatu kepercayaan dan bersifat keagamaan yang menjadi sakral. Memilih untuk merakam dan mewariskan cara survival puak melalui Siram atau cerita lipur lara yang disulami elemen dewa-dewi dan alam ghaib ini adalah manifestasi jelas kearifan tempatan (*local wisdom*) puak Dusun. Ini bukan sekadar hiburan kosong, tetapi sebuah strategi budaya yang sangat efektif.

Dengan menjadikan perjuangan survival sebagai naratif yang ada kesakralannya dan dipersonifikasikan melalui watak dewa-dewi, cerita ini membentuk teras jati diri setiap individu Dusun. Mereka memahami asal-usul, cabaran, dan matlamat kolektif mereka bukan sekadar dari sejarah lisan biasa, tetapi dari cerita lisan yang 'suci'. Ini menanamkan rasa kepunyaan dan identiti yang kukuh, membezakan mereka daripada puak lain dan memberi mereka tujuan bersama.

Nilai-nilai seperti pengorbanan, keberanian, tanggungjawab terhadap generasi akan datang, perpaduan, dan kebijaksanaan tidak disampaikan secara dogmatik, tetapi melalui tindakan dan pengajaran dalam kisah ini. Apabila nilai-nilai ini dilakukan oleh watak-watak sakral, ia memberi mereka dimensi yang lebih tinggi dan mengikat secara moral. Generasi muda dididik tentang nilai-nilai ini melalui penceritaan, menjadikan mereka sehati dengan jiwa dan minda, dan tidak mudah luntur ditelan zaman atau pengaruh luar.

Penyertaan dewa-dewi dan latar (*setting*) ghaib bukan sekadar hiasan; ia adalah pembumian kepercayaan spiritual puak Dusun ke dalam naratif *survival* mereka. Ini menunjukkan bahawa kelangsungan hidup puak mereka tidak hanya bergantung pada kekuatan fizikal atau strategi duniawi semata-mata, tetapi juga pada restu dan panduan dari alam spiritual. Ini mengukuhkan sistem kepercayaan mereka, menjadikan ia relevan dan penting dalam kehidupan seharian serta dalam menghadapi cabaran.

Ringkasnya, puak Dusun telah menggunakan keindahan naratif dan kedalaman spiritual untuk membentuk sebuah alat yang ampuh bagi kelangsungan puak mereka. Ini adalah bukti nyata kearifan tempatan yang luar biasa dalam membina dan mempertahankan komuniti yang berdaya tahan, bersatu, dan berpegang teguh pada akar budaya serta spiritual mereka.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, analisis terhadap cerita lisan Siram "Sultan Granminor" memperlihatkan bahawa aspek pengorbanan merupakan teras naratif yang dibina melalui pembentukan watak-watak utama serta pengembangan fungsi sosial yang lebih luas dalam kehidupan komuniti. Pada peringkat watak, Sultan Granminor dan Tuan Puteri memmanifestasikan pengorbanan diri melalui kesediaan meletakkan kepentingan kolektif mengatasi kehendak peribadi, sama ada dalam bentuk tanggung jawab kepemimpinan, ketaatan kekeluargaan, mahupun penyerahan diri demi keselamatan bersama. Pada peringkat fungsi sosial, naratif peperangan yang berpanjangan memperlihatkan bahawa mempertahankan kuasa dan wilayah bukan sekadar konflik politik, tetapi ditafsirkan sebagai usaha mempertahankan hak, ruang hidup, dan kelangsungan komuniti. Dalam masa yang sama, penekanan terhadap kepentingan pewaris serta keyakinan terhadap pewaris sebagai penerus kesinambungan keluarga, nilai, dan identiti puak menunjukkan bahawa survival puak Dusun difahami sebagai kesinambungan yang merentas generasi. Justeru, Siram bukan sahaja mengangkat pengorbanan sebagai nilai moral, tetapi memaknainya sebagai

mekanisme budaya yang mendasari pertahanan wilayah, pemeliharaan waris, pengukuhan kepercayaan kekeluargaan, dan kelangsungan puak secara kolektif.

RUJUKAN

- Aslynnarita binti Galis. (2016). 'Upacara Tamarok dan Ceritanya: Kajian Perlambangan', *Latihan Ilmiah B.A*, tidak diterbitkan. Universiti Brunei Darussalam.
- Bantong Antaran. (1984). Kepercayaan Tamarok: Sebuah Pengenalan Ringkas [Tamarok Belief: A Short Introduction]. *Berita Muzium* [Museum Newsletter] (Bandar Seri Begawan, Brunei) 1 (6): 24-9.
- Bantong Antaran. (1993a). *Brunei Dusun: An Ethnographic Study*. [Tesis M.A., tidak diterbitkan]. University of Hull, UK
- Bantong Antaran. (1993b). Brunei Dusuns. *The Brunei Museum Journal*. 6: 11-16.
- Chong Ah Fok. (1984). Tamarok: Suatu Pengenalan. *Beriga*. 2: 22-27.
- Chong Ah Fok. (1996). Institusi Keluarga Puak Dusun. *Beriga*. 53: 63-72.
- Harni Susanti binti Sayong. (2025). 'Pantang Larang Bertanam Padi: Jati Diri dan Dominasi Puak Dusun di Kampung Bebuloh'. *Tesis M.A.*, tidak diterbitkan]. Universiti Brunei Darussalam.
- Magil Lasak. (1989/1990). 'Siram'. *Latihan Ilmiah B.A Pendidikan*] Universiti Brunei Darussalam.
- Maslin bin Haji Jukim/Jukin. (2006). Diangdangan: Menyingkap Kembali Asal Usulnya. *Pangsura*, 22(12).
- Maslin bin Haji Jukim/Jukin. (2011). "Diangdangan: Isu Asal Mulanya." *Prosiding Seminar Sejarah Borneo Ke-2*, Pusat Sejarah Brunei.
- Maslin bin Haji Jukim/Jukin. (2014). *Patuturan: Akar Budaya dan Jati Diri Kebruneian*. [Tesis Ph.D, tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maslin bin Haji Jukim/Jukin. (2019). 'Diangdangan Terancam?' *Bahana*. 427(54), 18-21.
- Maslin bin Haji Jukim/Jukin. (2021). 'Awang Kebuncuan Isi Bukit Parai Amas': Siram (Cerita Lipur Lara) Puak Dusun di Brunei. *Jurnal Melayu Sedunia*, 4(1).
- Maslin Haji Jukim/Jukin dan Aslynnarita Galis (2021). Asal Usul Padi: Kajian Perbandingan Cerita Lisan Puak Brunei. *Pangsura*. Januari-Jun

- Maslin Jukim, Pengiran Hajah Siti Norainna Pengiran Haji Besar, Norhairunissa Radhiah Haji Bini, Aslynnarita Galis dan Hajah Asiyah Az-Zahra Haji Ahmad. (2024). Hubungan Kekeluargaan (Dangansanak) Puak Dusun di Brunei dalam Cerita Lipur Lara Siram “Awang Nangkat Isi Laut”. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 12(1).
- Muslim Burmat. (1992). *Antologi ASEAN Bunga Rampai Sastera Rakyat Brunei*. Brunei: The Asean Committee on Culture and Information.
- Muhammad Hadi Abdullah Melayong. (1989). ‘Siram (Puisi Tradisional Masyarakat Dusun)’. *Jurnal Beriga* 25:66-81. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong. (2018). Basiram: Warisan Masyarakat Brunei, *Prosiding Seminar Antarabangsa Penyelidikan Mengenai Melayu (SAPEMM)* kali ke-2. Universiti Brunei Darussalam.
- Pudarno Binchin. (2002). ‘Siram Ditaan: The performance of epic tales of derato in Brunei Dusun Society’. Tesis Sarjana. Brunei: Universiti Brunei Darussalam.
- Pudarno Binchin. (2014). *Singing Siram Ditaan: composition, performance, transmission of epic tale in Brunei Dusun Society*. Borneo Research Council Monograph series no.14
- Pudarno Binchin. (2016). *Budaya Masyarakat Dusun Imbasan Kembali*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Muzium-Muzium Brunei Darussalam.
- Pudarno Binchin. (2017). *Masyarakat Dusun dan Tamarok*. Brunei: Jabatan Muzium-Muzium. Brunei Darussalam.